

18 AUG 2003

Mahathir-Strategi/I

BANYAK CARA UNTUK CAPAI PEMBANGUNAN EKONOMI, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mokhtar Hussain

DAMSYIK, 18 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terdapat pelbagai strategi yang boleh digunakan untuk mencapai kemajuan ekonomi.

Ketika menceritakan kepada satu kumpulan pembuat dasar Syria mengenai pengalaman Malaysia memulihkan ekonominya akibat krisis kewangan 1997, Perdana Menteri berkata: "Masalahnya banyak dan cara untuk menyelesaikannya juga pelbagai rupa. Tidak terdapat satu cara khusus yang boleh menjamin pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sesuatu negara."

Walaupun pengalaman Malaysia ini mempunyai kaitan dengan aset serta persekitarannya yang unik, tetapi kebanyakan strategi yang pernah digunakan itu boleh diubahsuai dan diamalkan oleh negara lain untuk mencapai kemajuan ekonomi, katanya kepada kumpulan yang terdiri menteri kabinet, anggota parlimen, anggota kumpulan pemikir Syria, pegawai kanan kerajaan, cendekiawan dan ketua pegawai eksekutif syarikat terkemuka Syria di Al-Assad Library di sini.

Dalam ucapan bertajuk "Pengalaman Malaysia Dalam Pembinaan Negara dan Pembangunan Berikutan Krisis Kewangan 1997", Dr Mahathir berkata tiga faktor utama yang membawa kepada pemulihan pesat ekonomi Malaysia ialah kawalan modal dan tambatan nilai ringgit, pengukuhan sektor perbankan dan korporat serta pengembangan fiskal.

"Dengan melaksanakan dasar-dasar ini, kerajaan berjaya menstabilkan ekonomi Malaysia. Seterusnya, keyakinan yang wujud di kalangan pengguna dan pelabur telah meningkat dengan ketara dan ekonomi pula kembali cergas," katanya.

Dr Mahathir berkata sokongan padu yang diberi kepada parti kerajaan juga memainkan peranan penting dalam mengekalkan kestabilan negara.

Beliau juga bercakap tentang perlunya dibuat pelarasan terhadap proses globalisasi termasuk mengenakan tarif yang adil terhadap produk yang dihasilkan oleh semua negara.

"Memandangkan syarikat kita adalah kecil dan lemah, ada kemungkinan ia akan ditelan atau diketepikan oleh syarikat asing. Kemampuan kita untuk mengawal arah tuju ekonomi kita juga akan lenyap," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa, sebelum era globalisasi, ekonomi Malaysia berada dalam keadaan baik.

Pada sesi dialog yang diadakan dengan masyarakat peniaga sebelumnya, Perdana Menteri berkata hubungan perniagaan yang berpaksikan kepada asas perniagaan yang kukuh perlu sentiasa dipertingkatkan dan dinilai semula serta diperbaiki dan diubahsuai sejajar dengan persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah.

Bagi tujuan itu, beliau mengajak ahli perniagaan dari semua negara Islam supaya berkumpul di Putrajaya semasa berlangsungnya sesi Ke-10 sidang kemuncak dunia Islam Oktober ini.

"Kita patut pergi lebih jauh daripada hanya bertukar-tukar pendapat dan pengalaman. Kita patut menetapkan sasaran untuk mencapai hasil yang kukuh serta urus niaga sebenar," katanya.

Dr Mahathir juga berkata beliau berharap Syria meningkatkan lagi dagangannya dengan Asia, khususnya dengan Malaysia, memandangkan pada masa ini negara itu lebih banyak berdagang dengan Eropah.

Sempena lawatan beliau ke sini, sebanyak 12 memorandum persefahaman dan perjanjian dimeterai antara kerajaan dan sektor swasta kedua-dua negara.

-- BERNAMA

MOK JM SP MAI